



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	10/1/2019	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

Perhilitan Kosmo 10/1/2019 m/s 12

## Perhilitan Kelantan pindahkan Bayu

GUA MUSANG - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri semalam memindahkan seekor gajah liar selepas haiwan itu dilaporkan merosakkan tanaman penduduk di Kampung Sungai Bayu, di sini.

Timbalan Pengarah Perhilitan negeri, Adnan Ismail berkata, operasi pemindahan gajah jantan yang diberi nama Bayu seberat dua tan itu dilakukan dengan bantuan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Lanchang, Pahang.

Katanya, seramai 27 anggota Perhilitan terbabit dalam operasi selama empat jam bermula pukul 9 pagi dan berakhir pukul 2 petang itu.

"Kami menggunakan dua gajah dikenali sebagai Abot dan Rambai yang bertindak sebagai denak bagi menjinak-



PERHILITAN Kelantan memindahkan gajah dikenali sebagai Bayu (atas lori) di Kampung Sungai Bayu, Gua Musang, Kelantan semalam.

kan gajah liar terbabit untuk dipindahkan ke Taman Negara Terengganu.

"Gajah liar ini dianggarkan berusia 15 sehingga 18 tahun dengan saiz tapak kaki 13 inci itu dalam keadaan sihat dan tiada sebarang kecederaan," katanya ketika ditemui di Kampung Sungai Bayu, di sini

semalam.

Menurut Adnan, gajah liar itu merupakan yang pertama berjaya ditangkap tahun ini selepas pihaknya menerima aduan daripada penduduk di kawasan berkenaan.

Katanya, tahun lalu sebanyak enam ekor gajah liar berjaya ditangkap pihaknya.